

Kohort pertama Ijazah Sains Pertanian Pengeluaran Tanaman

Program akademik selama 10 semester bukan halangan besar kepada para graduan PLUMS

UB 17.12.2023 P.03

KOTA KINABALU: Seramai 28 graduan Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS), menerima Ijazah Sains Pertanian Pengeluaran Tanaman dengan Kepujian pada Majlis Konvokesyen UMS ke-25, baru-baru ini.

Pengarah PLUMS, Dr. Lim Thien Sang berkata program akademik selama 10 semester bukanlah satu halangan besar kepada para graduan yang bekerja tetapi memberikan satu peluang bagi graduan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

“Graduan ini adalah merupakan kohort pertama yang ditawarkan oleh PLUMS di Fakulti Pertanian Lestari Sandakan (FPL) menerusi program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dilaksanakan kelas pada hujung minggu.



LIM

“Menerusi program PSH di bawah kendalian PLUMS, ianya dapat melahirkan graduan yang berinovatif dan memiliki pemikiran kri-

tical,” ujar beliau.

PSH merupakan satu alternatif bagi semua lapisan masyarakat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi tanpa mengira umur dan kedudukan.

“PLUMS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian program berkenaan setelah berhempas pulas selama lima tahun,” katanya.

Sebrey Jen Sompit, 34, merupakan seorang graduan yang bekerja sebagai Penolong Pegawai Penyelidik di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Beaufort berjaya menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.73 (Kelas Satu), sekali gus menjadi pelajar terbaik bagi program itu.

Harapan anak ketujuh daripada sembilan orang adik

beradik yang berhasrat untuk membawa ibunya menghadiri majlis konvokesyen beliau di UMS itu lebur disebabkan pemergian ibunya terlebih dahulu.

“Majlis konvokesyen ini memberi kesan yang besar bagi saya kerana kehilangan ibu pada bulan September tahun ini dan ibu tidak berkesempatan melihat saya berada di pentas. Saya tujuhan khas kejayaan ini kepada kedua orang tua saya.

“Program ini amat berseesuaian dengan kerjaya yang saya miliki dan dijalankan secara sistematik, industri pertanian merupakan program yang diperlukan di Sabah.

“Kelas hujung minggu ini dapat memberi satu peluang dan ruang untuk golongan bekerja untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi,” tambahnya

lagi.

Berulang-alik selama lima tahun dari Beaufort ke Sandakan merupakan cabaran besar bagi beliau namun kekal terapkan semangat yang positif dalam diri.

“Mimpi tidak mempunyai tarikh luput, jadi tidak kira umur, tidak kira berapa saiz impian anda, tidak kira apa halangan di sepanjang jalan, jika anda menulis impian dan meletakkan komitmen tinggi terhadap kejayaan, anda akan sedar dan usaha untuk menjajainya,” katanya.

Jumlah graduan kendalian program PLUMS sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-25 kali ini ialah seramai sembilan graduan program Kedoktoran Kesihatan Awam, 152 graduan Pascasiswazah, 143 graduan Diploma Pendidikan Lepas-an Ijazah (DPLI), 75 graduan Prasiswazah dan 11 graduan



TERBAIK: Sebrey selesai menerima skrol di Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu.

Speciality Programme for Alcohol and Drug Abuse (SPADA) yang bergraduat.

PLUMS mempunyai pusat

pembelajaran di empat buah daerah utama di Sabah, iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan.